

JADUAL MANFAAT

NO SIJIL : 403300030-0

NO PENDAFTARAN KERETA : TIDAK BERKAITAN

PEMILIK SIJIL : AZIZAH

MATA WANG: RINGGIT MALAYSIA

PELAN ATAU JUMLAH MANFAAT YANG : LIHAT JADUAL DI BAWAH

DIGUNAKAN

| Perkara | Manfaat yang Dilindungi | Manfaat Maksimum |
|---------|--|---|
| (1) | Bilik dan Penginapan Hospital (tertakluk kepada maksimum 180 hari dalam mana-mana Tahun Sijil bagi Manfaat yang Dilindungi (1) dan (2) secara agregat) | Seperti caj yang dikenakan tertakluk kepada maksimum RM 200 sehari dan Had Tahunan Keseluruhan |
| (2) | Unit Rawatan Rapi (tertakluk kepada maksimum 180 hari dalam mana-mana Tahun Sijil bagi Manfaat yang Dilindungi (1) dan (2) secara agregat) | |
| (3) | Bekalan & Khidmat Hospital | Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan. |
| (4) | Bayaran Pembedahan | |
| (5) | Dewan Bedah | |
| (6) | Bayaran Pakar Bius | |
| (7) | Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (tertakluk kepada maksimum 2 lawatan sehari) | |
| (8) | Ujian Diagnosis Sebelum Kemasukan Hospital (dalam tempoh 60 hari sebelum Kemasukan Hospital) | |
| (9) | Rundingan Pakar Sebelum Kemasukan Hospital (dalam tempoh 60 hari sebelum Kemasukan Hospital) | |
| (10) | Rawatan Selepas Kemasukan Hospital (dalam tempoh 90 hari selepas keluar Hospital) | |
| (11) | Hospital) | |
| (12) | Bayaran Ambulans Pembedahan Harian | |
| (13) | Rawatan Kemalangan Kecemasan Pesakit Luar (tertakluk kepada maksimum 30 hari dari tarikh Kemalangan) | Sehingga RM 3,000 dalam agregat adalah dibayar dalam mana-mana Tahun Sijil, tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan. |
| (14) | Had Tahunan Keseluruhan | RM 100,000 |
| (15) | Had Seumur Hidup Keseluruhan | No Limit |
| (16) | Cukai Malaysia | Tuntutan yang boleh dibayar ke atas cukai perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain yang dikenakan bagi Manfaat yang Dilindungi; tidak tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan. |

HAK ISTIMEWA DAN SYARAT

GLOSARI (Fasal 1)

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

“**Kemalangan**” bermaksud kejadian yang menyebabkan Kecederaan kepada Orang yang Dilindungi yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan, keganasan, secara luaran dan ketara yang mana bebas daripada mana-mana sebab lain (kecuali lemas atau kecederaan dalaman yang disahkan melalui autopsi) apabila terdapat kesan lebam atau luka yang ketara pada bahagian luaran badan.

“**Salah Satu Hilang Upaya**” bermaksud semua tempoh masa hilang upaya yang berpunca daripada sebab yang sama termasuk sebarang dan semua komplikasi daripadanya kecuali jika Orang yang Dilindungi pulih sepenuhnya dan tidak bergantung kepada rawatan lanjutan (termasuk dadah, ubat, diet khas atau suntikan atau nasihat bagi keadaan itu) bagi hilang upaya itu untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tarikh terakhir keluar dari Hospital dan hilang upaya berikutnya akibat daripada sebab yang sama akan dianggap seolah-olah sebagai hilang upaya yang baru.

“**Umur Hari Lahir Berikut yang Dicapai**” bermaksud umur hari lahir berikut Orang yang Dilindungi sebelum (atau bersamaan) Ulang Tahun Sijil.

“**Ulang Tahun Sijil**” bermaksud ulang tahun Tarikh Permulaan.

“**Tahun Sijil**” bermaksud tempoh yang bermula pada Tarikh Permulaan dan berakhir pada hari sebelum Ulang Tahun Sijil yang berikut melainkan Sijil itu diserahkan, luput atau matang.

“**Klinik**” bermaksud sebuah pertubuhan yang hanya ditubuhkan dan didaftarkan dengan sepatutnya sebagai klinik yang beroperasi bagi merawat pesakit yang cedera atau sakit serta menyediakan kemudahan untuk diagnosis, pembedahan kecil dan kemudahan ubat-ubatan. Pertubuhan tersebut mestilah dijalankan oleh seorang Pakar Perubatan yang berdaftar dengan sah oleh Majlis Perubatan Malaysia.

“**Tarikh Permulaan**” bermaksud tarikh Sijil in bermula seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful A. Jika tarikh pengunduran digunapakai, Tarikh Permulaan akan lebih awal daripada Tarikh Berkuat Kuasa.

“**Keadaan Kongenital**” bermaksud sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang sedia ada semasa kelahiran, atau keabnormalan fizikal neo-natal yang berkembang dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelahiran. Ia termasuklah semua jenis hernia dan epilepsi kecuali apabila disebabkan trauma yang berlaku selepas Tarikh Berkuat Kuasa.

“**Caruman**” bermaksud caruman seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful A atau mana-mana endorsemn selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami.

“**Pembedahan Harian**” bermaksud satu proses perubatan melibatkan seorang pesakit yang memerlukan penggunaan kemudahan pemulihan untuk satu prosedur pembedahan yang dirancang terlebih dahulu di Hospital atau Klinik pakar (tetapi bukan untuk bermalam) bagi tempoh kurang daripada lapan (8) jam.

“**Doktor Gigi**” bermaksud seseorang yang berdaftar atau berlesen dengan sepatutnya untuk mengamalkan bidang pergigian dalam kawasan geografi bagi perkhidmatan yang disediakan, tetapi tidak termasuk seorang pakar perubatan atau pakar bedah atau doktor gigi yang merupakan Orang yang Dilindungi itu sendiri.

“**Hilang Upaya**” bermaksud satu Hidapan, Penyakit, Sakit atau Kecederaan keseluruhan yang berpunca daripada satu sebab atau satu siri penyebab yang berterusan.

“**Doktor**” atau “**Pakar Perubatan**” atau “**Pakar Bedah**” bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang, semasa memberikan rawatan tersebut, mengamalkan skop perlesenan dan latihan dalam kawasan geografi amalannya, tetapi tidak termasuk seorang doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Orang yang Dilindungi itu sendiri.

“**Tarikh Berkuat Kuasa**” bermaksud tarikh perlindungan bermula seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful A.

“**Perbelanjaan yang Layak**” bermaksud Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung disebabkan satu Hilang Upaya yang dilindungi tetapi tidak melebihi had dalam Jadual Manfaat.

“**Hospital**” bermaksud sebuah pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan dengan sepatutnya sebagai hospital untuk jagaan dan rawatan orang sakit serta cedera sebagai pesakit atas katil berbayar dan yang:

- (a) mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama,
- (b) memberi khidmat kejururawatan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat yang berdaftar dan bertauliah,
- (c) berada di bawah penyeliaan seorang Pakar Perubatan, dan
- (d) pada dasarnya bukan sebuah Klinik; satu tempat bagi pemabuk atau penagih dadah; sebuah rumah jagaan, rehat atau pemulihan atau rumah warga tua atau pertubuhan yang serupa.

“**Kemasukan Hospital**” bermaksud dimasukkan ke Hospital sebagai Pesakit Dalam berdaftar bagi tempoh berterusan sekurang-kurangnya lapan (8) jam berturut-turut untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi setelah disyorkan oleh seorang Pakar Perubatan. Seseorang pesakit tidak akan dianggap sebagai Pesakit Dalam jika pesakit tidak tinggal di dalam Hospital secara fizikal bagi seluruh tempoh dimasukkan ke Hospital.

“**Sakit**”, “**Hidapan**” atau “**Penyakit**” bermaksud keadaan fizikal yang ditandakan dengan satu perbezaan patologi daripada keadaan kesihatan normal.

“**Kecederaan**” bermaksud kecederaan badan yang disebabkan semata-mata oleh Kemalangan.

“**Pesakit Dalam**” bermaksud seseorang Orang yang Dilindungi yang diberi katil hospital semasa Kemasukan Hospital, yang bukan di dalam jabatan Pesakit Luar Hospital.

“**Unit Rawatan Rapi**” bermaksud satu seksyen di dalam sebuah Hospital yang dinamai sebagai Unit Rawatan Rapi oleh Hospital, dan yang diselenggarakan dua puluh empat (24) jam hanya untuk rawatan pesakit dalam keadaan kritikal dan lengkap untuk menyediakan khidmat jagaan dan perubatan khas yang tidak terdapat di mana-mana tempat lain dalam Hospital itu.

“**Kerugian/Keuntungan Pelaburan**” bermaksud kerugian atau keuntungan yang terhasil daripada pengurusan pelaburan untuk Dana(-Dana) *Tabarru'* di dalam sekuriti dan aktiviti patuh Syariah.

“**Ju'alah**” bermaksud suguhati untuk perkhidmatan yang diberikan di dalam situasi di mana Lebihan Pengunderaitan dikongsi di antara Peserta dan Kami. Kelayakan Lebihan Pengunderaitan tertakluk kepada penyelesaian kerja dan penyampaian hasil.

“**Tarikh Matang**” bermaksud tarikh perlindungan tamat seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful A.

“**Perlu Dari Segi Perubatan**” bermaksud satu khidmat perubatan yang:-

- (a) konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan yang biasa untuk satu Hilang Upaya yang dilindungi, dan
- (b) menurut standard amalan perubatan yang baik, konsisten dengan standard rawatan perubatan profesional semasa, dan manfaat perubatan yang terbukti, dan
- (c) bukan untuk memberi kemudahan kepada Orang yang Dilindungi atau Pakar Perubatan, dan tidak munasabah untuk dijalankan di luar Hospital (jika dimasukkan sebagai Pesakit Dalam), dan
- (d) bukan bersifat percubaan, penyiasatan atau penyelidikan, bersifat pencegahan atau pemeriksaan, dan
- (e) bayarannya adalah berpatutan serta munasabah dan biasa untuk Hilang Upaya.

“**Salah Nyata**” mempunyai maksud seperti yang dinyatakan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan termasuk salah nyata yang ikhlas, melulu atau sengaja.

“**Garis Panduan MMA**” bermaksud jadual bayaran atau kadar terkini yang boleh didapati untuk pelbagai penerangan khidmat perubatan dan/atau rawatan yang diberi oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) untuk panduan kepada profesion perubatan di Malaysia.

“**Mudharabah**” bermaksud Kami, bertindak sebagai usahawan (Mudharib) yang menguruskan dana yang dikumpul berdasarkan mandat pelaburan dengan satu set panduan etika yang telah ditetapkan dan Peserta sebagai pemilik modal (Rabbul Mal). Sebagai balasannya, Kami akan berkongsi bahagian peratusan keuntungan pelaburan yang telah ditentukan.

“**Pesakit Luar**” bermaksud Orang yang Dilindungi yang sedang menerima jagaan atau rawatan perubatan (termasuk Pembedahan Harian dan rawatan dalam pusat Jagaan Harian) tanpa perlu dimasukkan ke Hospital.

“**Peserta**” bermaksud Pemilik Sijil seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful A.

“**Orang yang Dilindungi**” bermaksud orang yang dilindungi di bawah Sijil ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful A.

“**Sakit Sedia Ada**” bermaksud hilang upaya yang Orang yang Dilindungi mempunyai pengetahuan yang munasabah sebelum Tarikh Berkuat Kuasa. Seseorang Orang yang Dilindungi boleh dianggap mempunyai pengetahuan yang munasabah terhadap Sakit Sedia Ada bagi satu keadaan yang mana:

- (a) Orang yang Dilindungi telah atau sedang menerima rawatan; atau
- (b) nasihat, diagnosis, jagaan atau rawatan perubatan yang telah disyorkan; atau
- (c) gejala yang jelas dan terang atau yang telah nyata; atau
- (d) kewujudannya adalah jelas kepada orang yang waras dalam keadaan itu.

“**Ubat yang Ditetapkan**” bermaksud ubat yang ditetapkan oleh Pakar Perubatan, ahli farmasi berdaftar atau Hospital dan ditetapkan oleh Pakar Perubatan atau Pakar berhubung dengan rawatan bagi Hilang Upaya yang dilindungi.

“**Qard**” bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan dari Kami jika Dana *Tabarru'* mengalami defisit. *Qard* tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderaitan akan datang dari Dana *Tabarru'*.

“**Bayaran Munasabah dan Biasa**” bermaksud bayaran jagaan perubatan yang Perlu Dari Segi Perubatan serta dianggap munasabah dan biasa selagi ia tidak melebihi tahap bayaran am yang dibuat oleh pihak lain yang sama kedudukannya di tempat bayaran itu dikenakan, apabila rawatan, khidmat atau bekalan yang serupa atau yang seumpamanya diberi kepada individu yang sama jantina dan umur yang seumpama bagi Sakit, Hidapan, Penyakit atau Kecederaan dan menurut standard dan amalan perubatan yang diterima serta tidak boleh diabaikan tanpa menjejaskan keadaan kesihatan Orang yang Dilindungi.

“**Pakar**” bermaksud pengamal perubatan atau pergigian yang berdaftar dan berlesen dalam kawasan geografi amalannya yang mana rawatan telah diberi dan seseorang yang dikelaskan oleh pihak berkuasa kesihatan sebagai seorang yang mempunyai kepakaran yang tinggi dan keistimewaan tertentu dalam bidang perubatan atau pergigian, tetapi tidak termasuk seseorang pakar perubatan, doktor gigi atau pakar bedah yang merupakan Orang yang Dilindungi itu sendiri.

“**Penyakit Tertentu**” bermaksud hilang upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya, yang berlaku dalam masa seratus dua puluh (120) hari pertama dari Tarikh Berkuat Kuasa. Namun, jika tempoh perlindungan terputus sebelum tamat tempoh seratus dua puluh (120) hari tersebut, tempoh seratus dua puluh (120) hari yang baru akan dikenakan semula dari tarikh penguatkuasaan semula:

- (a) Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit Kardiovaskular;
- (b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip;
- (c) Batu dalam sistem perkumuhan dan biliari;
- (d) Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak;
- (e) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosel, varikosele;
- (f) Endometriosis termasuk penyakit sistem Pemiakan;
- (g) Gangguan spinal vertebro (termasuk disk) dan penyakit lutut.

“**Pembedahan**” bermaksud mana-mana prosedur perubatan berikut:

- (a) Untuk membelah, memotong atau elektrokauteri mana-mana bahagian organ atau badan, kecuali perkhidmatan pergigian;
- (b) Untuk memperbaiki, mengubah, atau membina semula mana-mana bahagian organ atau badan;
- (c) Untuk mengurangkan fraktur atau dislokasi secara manipulasi;
- (d) Penggunaan endoskopi untuk mengeluarkan batu atau objek dari larinks, bronkus, trakea, esofagus, perut, usus, pundi kencing atau uretra.

“**Tabarru**” bermaksud bahagian Caruman yang diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru'* sebagai derma yang Anda rela berikan untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada Peserta yang memerlukan.

“**Dana Tabarru**” bermaksud sejumlah dana terkumpul yang ditubuhkan untuk tujuan perpaduan dan kerjasama di antara Peserta-Peserta dalam Dana *Tabarru'* untuk peristiwa musibah (pembayaran tuntutan).

“**Pengendali Takaful**” atau “**Kami**” bermaksud Great Eastern Takaful Berhad.

“**Caj Pendahuluan**” atau “**Caruman yang Tidak Diperuntukkan**” bermaksud caj yang dikenakan terdahulu mengikut peratusan Caruman yang dibayar untuk membayar perbelanjaan pentadbiran dan amaun ini tidak diperuntukkan dalam Dana *Tabarru'*.

“**Tabarru' yang Belum Luput**” bermaksud bahagian *Tabarru'* yang akan dikembalikan bagi baki bulanan selepas penyerahan.

“**Lebihan Pengunderaitan**” bermaksud lebihan dalam Dana *Tabarru'* selepas tolakan tuntutan dan untuk tujuan simpanan, jika ada.

“**Wakalah**” bermaksud kontrak agensi berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah* (atau “**Caj Pendahuluan**” atau “**Caruman yang Tidak Diperuntukkan**”) yang mana caj yang dikenakan terdahulu

mengikut peratusan Caruman yang dibayar, di mana Peserta melantik Kami untuk mengurus Dana *Tabarru'*. Amaun tersebut akan ditolak daripada Dana *Tabarru'*.

“**Tempoh Menunggu**” bermaksud tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Berkuat Kuasa kecuali untuk Penyakit Tertentu, yang mempunyai seratus dua puluh (120) hari dari Tarikh Berkuat Kuasa. Tempoh Menunggu tidak digunapakai selepas tahun pertama perlindungan, melainkan tempoh perlindungan terputus dalam mana-mana Tahun Sijil, Tempoh Menunggu akan digunapakai semula.

“**Anda**” bermaksud Peserta yang dinamakan dalam Jadual Takaful A.

Jika tidak diberi secara khusus, tafsiran berikut akan digunakan pada Sijil ini:

- 1.1 Mana-mana rujukan kepada satu “hari perniagaan” adalah satu hari (yang bukan hari Sabtu, Ahad atau Cuti Umum di Kuala Lumpur, Malaysia) yang mana Ibu Pejabat Kami dibuka untuk perniagaan di Malaysia dan mana-mana rujukan kepada satu “hari”, “minggu”, “bulan” atau “tahun” adalah hari, minggu, bulan atau tahun yang menurut kalender Gregorian.
- 1.2 Semua jadual, Aneksur, Endorsemen dan lampiran pada Sijil ini akan membentuk sebahagian daripada Sijil ini. Tetapi sekiranya terdapat percanggahan antara jadual, Aneksur atau lampiran pada Sijil ini dengan Endorsmen atau Hak Istimewa dan Syarat, Endorsmen atau Hak Istimewa dan Syarat (mana yang berkenaan), akan digunapakai. Sekiranya terdapat konflik atau percanggahan antara Endorsmen dan Hak Istimewa dan Syarat, Endorsmen tersebut akan digunapakai.
- 1.3 Sebarang rujukan pada maskulin adalah termasuk feminin, dan begitu juga, perkataan tunggal akan termasuk perkataan jamak dan begitu juga sebaliknya, melainkan dinyatakan sebaliknya.

ASAS KONTRAK (Fasal 2)

2. SIJIL TAKAFUL

- 2.1 Sijil ini dikeluarkan atas pertimbangan pembayaran Caruman yang telah diterima oleh Kami dan menurut kepada:
 - 2.1.1 jawapan yang disediakan oleh Anda dan/atau Orang yang Dilindungi dalam permohonan Anda atau Cadangan untuk Takaful Keluarga (“Cadangan”) atau sebarang soal selidik selanjutnya yang disediakan oleh Kami berkenaan sebarang perkara berkaitan Cadangan Anda dan sebarang pendedahan yang Anda lakukan sepanjang waktu penghantaran sehingga Sijil Takaful ini berkuat kuasa; dan
 - 2.1.2 sebarang laporan serta soal selidik lain;
(secara kolektif dirujuk sebagai “Maklumat Penting”)
Maklumat Penting tersebut akan membentuk sebahagian daripada kontrak Takaful ini antara Kami dan Anda. Namun, jika sebarang Salah Nyata dilakukan sebelum kontrak dibuat berhubung dengan Maklumat Penting tersebut, remedi dalam Jadual 9 bagi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan digunakan.
- 2.2 Ia merupakan tanggungjawab Anda untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak melakukan Salah Nyata semasa menjawab soalan atau mengesahkan atau meminda sebarang perkara yang telah didedahkan sebelumnya sebelum Sijil ini diperbaharui atau diubah.
- 2.3 Anda mestilah memaklumkan Kami berkenaan sebarang perubahan maklumat yang diberi kepada Kami dalam jawapan Anda atau berhubung sebarang perkara yang telah didedahkan sebelumnya kepada Kami berkaitan Sijil ini jika perubahan tersebut berlaku selepas Anda menghantar permohonan untuk pembaharuan atau perubahan tetapi sebelum Sijil ini diperbaharui atau diubah.
- 2.4 Sijil ini boleh diubah dengan keizinan secara bertulis oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kami atau mana-mana individu yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Kami dengan memberi peruntukan atau endorsmen khas (“Dokumen”) pada Sijil ini. Mana-mana variasi selanjutnya akan berkuat kuasa dari tarikh Dokumen tersebut dan dianggap sebagai sebahagian daripada Sijil ini.

HUBUNGAN KONTRAK ANTARA ANDA DAN KAMI (Fasal 3)

3. WAKALAH

- 3.1 Anda bersetuju untuk melantik dan memberi kuasa kepada Kami untuk menguruskan pelan

Takaful ini dan melabur Dana *Tabarru'*. Kami diberi kuasa untuk melaksanakan perniagaan Takaful mengikut prinsip Syariah, keperluan undang-undang dan peraturan serta terma yang dinyatakan di sini. Sebagai balasan kepada tugas yang akan dilaksanakan dan berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, Anda bersetuju untuk membayar Caj Pendahuluan kepada Kami.

- 3.2 Atas keadaan yang akan dianggap sebagai salah urus, kecuaiian atau pelanggaran terma yang ditetapkan, Kami akan bertanggungjawab dan akan membayar pampasan bagi kerugian atau kerosakan termasuk apa-apa kos sebenar yang ditanggung oleh Anda.
- 3.3 Kontrak *Wakalah* akan dibubarkan apabila matang, penamatan disebabkan penyerahan atau sebarang keadaan seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 8. Kami berhak menerima Caj Pendahuluan untuk perkhidmatan yang diberikan.
- 3.4 Bagi mengelakkan keraguan, salah urus dan kecuaiian adalah seperti tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - 3.4.1 Kurang pendedahan mengenai risiko pelaburan yang ditanggung oleh Anda;
 - 3.4.2 Tidak mengikut strategi pelaburan atau pelaksanaan yang tidak selaras dengan polisi yang diluluskan;
 - 3.4.3 Strategi pelaburan yang diguna oleh Kami tidak konsisten dengan strategi yang telah dipersetujui oleh Anda ketika menyertai Sijil; dan
 - 3.4.4 Maklumat yang mengelirukan yang dinyatakan dalam Risalah Pemberitahuan Produk.

CARUMAN DAN CAJ (Fasal 4 - 7)

4. CARUMAN

- 4.1 Caruman akan diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru'*.
- 4.2 Caruman boleh meningkat oleh Anda berdasarkan umur hari lahir berikut Orang yang Dilindungi yang dicapai pada setiap Ulang Tahun Sijil.
- 4.3 Caruman mesti dibayar kepada Kami pada atau sebelum setiap tarikh Caruman perlu dibayar.
- 4.4 Sekiranya Caruman tidak dibayar semasa Sijil ini berkuat kuasa, Sijil ini akan luput dengan segera selepas tamat tempoh tenggang.

5. CAJ PENDAHULUAN

- 5.1 Caj Pendahuluan adalah amaun yang ditolak terdahulu dari Dana *Tabarru'* (sebagai peratusan Caruman ditolak Cukai Perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain, jika ada) dan digunakan untuk memenuhi kos pengagihan langsung termasuk komisen ejen dan perbelanjaan pengurusan.
- 5.2 Jika Caruman dibayar secara tahunan, setengah tahun atau suku tahun dan sekiranya Sijil ini diserahkan atau ditamatkan disebabkan oleh sebarang peruntukan sebelum tarikh Caruman berikutnya, Caj Pendahuluan (selain daripada Caj Pendahuluan bagi tahun pertama) yang ditolak perbelanjaan sebenar akan dikembalikan.
- 5.3 Perbelanjaan pengurusan termasuk Duti Setem sebanyak Ringgit Malaysia sepuluh (RM10).

6. TABARRU'

- 6.1 Kami akan menolak *Tabarru'* daripada Caruman berdasarkan mod bayaran yang dipilih pada permulaan setiap Caruman.
- 6.2 Jumlah *Tabarru'* bersamaan dengan baki caruman yang dibayar selepas Caj Pendahuluan akan diletakkan ke dalam Dana *Tabarru'* menggunakan formula yang berikut:
 $Tabarru' = \text{Caruman yang Dibayar} \times \text{Kadar Peruntukan}$
- 6.3 Kadar standard *Tabarru'* setahun berubah mengikut Umur Hari Lahir Berikut yang Dicapai, jantina dan kelas pekerjaan Orang yang Dilindungi dan kadar ini diberikan dalam Jadual Takaful L.

7. VARIASI CARUMAN, KADAR TABARRU' DAN CAJ-CAJ LAIN

- 7.1 Kami boleh mengubah Caruman, kadar *Tabarru'* dan caj-caj lain ("Kadar dan Caj") di bawah Sijil ini dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari terlebih dahulu ("Tempoh Pemberitahuan") kepada Anda menurut Fasal 'Notis dan Surat-Menyurat'. Sebarang

semakan sama ada untuk menaikkan atau menurunkan Kadar dan Caj akan berkuat kuasa pada Hari Ulang Tahun Sijil sejurus selepas berakhirnya Tempoh Pemberitahuan, kecuali dan sebaliknya, anda tidak bersetuju secara bertulis dan memberitahu kami dalam Tempoh Pemberitahuan mengenai niat Anda untuk menyerahkan atau menamatkan Sijil ini.

- 7.2 Caruman yang disemak semula adalah berdasarkan kadar peruntukan yang dinyatakan dalam Jadual Takaful B bagi Sijil ini menurut Tahun Sijil.

LUPUT DAN PENGUATKUASAAN SEMULA (Fasal 8 - 9)

8. TEMPOH TENGGANG DAN PENAMATAN

- 8.1 Anda dibenarkan untuk membayar Caruman selanjutnya di bawah Sijil ini sehingga tiga puluh (30) hari dari setiap tarikh Caruman perlu dibayar ("Tempoh Tenggang").
- 8.2 Jika suatu tuntutan berlaku dalam Tempoh Tenggang sebarang jumlah hutang di bawah Sijil ini akan ditolak dari bayaran tuntutan yang boleh dibayar kepada Anda.
- 8.3 Apabila tamat Tempoh Tenggang, Sijil ini akan luput.

9. PENGUATKUASAAN SEMULA

- 9.1 Jika Sijil ini ditamatkan akibat luput, Anda boleh memohon penguatkuasaan semula Sijil ini, dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penamatan dan tertakluk kepada syarat berikut:
- 9.1.1 permohonan bertulis Anda bagi penguatkuasaan semula telah diterima oleh Kami;
- 9.1.2 Orang yang Dilindungi dalam lingkungan umur yang dibenarkan seperti ditentukan oleh Kami semasa penguatkuasaan semula;
- 9.1.3 justifikasi Anda untuk dilindungi adalah memuaskan dan diterima oleh Kami;
- 9.1.4 Anda mesti membayar semua Caruman yang belum dibayar kepada Kami; dan
- 9.1.5 sebarang syarat lain yang dikenakan oleh Kami.
- 9.2 Kami akan meluluskan, menolak atau mengenakan syarat tambahan secara bertulis yang dianggap sesuai ke atas permohonan Anda bagi penguatkuasaan semula.
- 9.3 Jika terdapat sebarang Salah Nyata dilakukan dalam permohonan Anda untuk penguatkuasaan semula dan Sijil ini telah berkuat kuasa selama dua (2) tahun atau kurang dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula. Kami boleh membatalkan Sijil, jika Salah Nyata yang dilakukan diklasifikasikan seperti berikut:-
- 9.3.1 Salah Nyata sengaja atau melulu;
- 9.3.2 Salah Nyata cuai atau ikhlas, di mana Kami tidak akan menguatkuasakan semula Sijil ini; atau
- 9.3.3 Salah Nyata cuai atau ikhlas, di mana Kami akan menguatkuasakan semula Sijil ini.
- 9.4 Jika terdapat sebarang Salah Nyata dilakukan dalam permohonan Anda untuk penguatkuasaan semula dan Sijil ini telah berkuat kuasa melebihi dua (2) tahun dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula, Kami boleh membatalkan Sijil, jika Salah Nyata yang dilakukan diklasifikasikan sebagai sengaja atau melulu, di mana Kami tidak akan menguatkuasakan semula Sijil ini.
- 9.5 Jika Sijil ini menjadi tidak sah atau batal menurut Fasal 9.4 di atas, tanggungjawab Kami terhadap kepada pembayaran balik Caj Pendahuluan ditolak sebarang hutang di bawah Sijil ini. Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami.

PILIHAN SIJIL (Fasal 10)

10. SERAHAN

Anda boleh menyerahkan Sijil ini dan Kami akan memulangkan yang berikut:

- 10.1 Caj Pendahuluan yang belum diperolehi daripada dana Kami (selain daripada Caj Pendahuluan bagi tahun pertama). Sekiranya Sijil diserahkan sebelum tarikh Caruman berikutnya perlu dibayar dan apabila Caruman dibayar secara tahunan, setengah tahunan atau suku tahunan,

- Caj Pendahuluan setelah ditolak perbelanjaan sebenar akan dikembalikan; dan
- 10.2 *Tabarru'* yang belum luput daripada Dana *Tabarru'*. Sekiranya Sijil diserahkan sebelum tarikh Caruman berikutnya perlu dibayar dan apabila Caruman dibayar secara tahunan, setengah tahunan atau suku tahunan, jumlah *Tabarru'* yang dipulangkan adalah bersamaan dengan peratusan caruman *Tabarru'* berdasarkan tempoh Sijil yang telah dikuatkuasakan dan mod pembayaran caruman.

| Tempoh Tidak Melebihi | Pemulangan Tahunan Caj <i>Tabarru'</i> | Pemulangan Setengah Tahunan Caj <i>Tabarru'</i> | Pemulangan Suku Tahunan Caj <i>Tabarru'</i> | Pemulangan Bulanan Caj <i>Tabarru'</i> |
|-----------------------|--|---|---|--|
| 1 bulan | 90% | 85% | 65% | Tiada Pemulangan |
| 2 bulan | 85% | 65% | 35% | Tiada Pemulangan |
| 3 bulan | 75% | 50% | Tiada Pemulangan | Tiada Pemulangan |
| 4 bulan | 65% | 35% | 65% | Tiada Pemulangan |
| 5 bulan | 60% | 15% | 35% | Tiada Pemulangan |
| 6 bulan | 50% | Tiada Pemulangan | Tiada Pemulangan | Tiada Pemulangan |
| 7 bulan | 40% | 85% | 65% | Tiada Pemulangan |
| 8 bulan | 35% | 65% | 35% | Tiada Pemulangan |
| 9 bulan | 25% | 50% | Tiada Pemulangan | Tiada Pemulangan |
| 10 bulan | 15% | 35% | 65% | Tiada Pemulangan |
| 11 bulan | 10% | 15% | 35% | Tiada Pemulangan |
| >11 bulan | Tiada Pemulangan | Tiada Pemulangan | Tiada Pemulangan | Tiada Pemulangan |

Sijil ini akan ditamatkan setelah pembayaran nilai serahan tersebut dibuat dan semua manfaat dan hak di bawah Sijil ini akan terhenti.

PERUNTUKAN DANA TAKAFUL (Fasal 11 - 13)

11. DANA *TABARRU'*

- 11.1 Berdasarkan konsep Syariah bagi *Tabarru'*, Anda akan mendermakan sebahagian dari Caruman ke dalam Dana *Tabarru'* untuk tujuan tolong menolong. Dana *Tabarru'* yang dimiliki oleh kumpulan Peserta-peserta dan diuruskan oleh Kami untuk tujuan pembayaran tuntutan manfaat yang dilindungi di bawah Sijil ini.
- 11.2 Berdasarkan kontrak Syariah *Mudharabah*, Anda sebagai pemilik modal melantik Kami sebagai pengusaha untuk menjalankan aktiviti pelaburan patuh Syariah untuk Dana *Tabarru'* bagi pihak Anda. Sebagai balasannya, Kami akan berkongsi bahagian peratusan keuntungan pelaburan yang telah ditentukan. Kami sebagai pengusaha tidak dapat menjamin jumlah prinsipal dan jangkaan keuntungan dari pelaburan tersebut.
- 11.3 Sekiranya terdapat defisit atau kerugian dalam Dana *Tabarru'* disebabkan oleh salah urus atau kecuaiannya Kami, Kami akan membuat pemindahan langsung untuk membetulkan defisit atau kerugian, jika berkenaan.

12. LEBIHAN PENGUNDERAITAN

- 12.1 Lebihan Pengunderaitan dikira dan diagihkan selepas setiap tahun kewangan.
- 12.2 Sebarang Lebihan Pengunderaitan yang diagihkan itu ditentukan setelah sebahagian yang sesuai darinya, disimpan untuk tujuan kecemasan sebelum ia dikongsi antara Anda dan Kami masing-masing dengan kadar lima-puluh peratus (50%) dan lima-puluh peratus (50%). Kami berhak mendapat Lebihan Pengunderaitan berdasarkan kontrak *Ju'alah*. Bahagian Anda daripada Lebihan Pengunderaitan akan dikreditkan ke dalam akaun bank Anda.
- 12.3 Sebarang jumlah Lebihan Pengunderaitan yang tidak diguna pakai, yang disimpan untuk tujuan kecemasan, akan dimasukkan ke dalam pengiraan Lebihan Pengunderaitan untuk tahun kewangan seterusnya.
- 12.4 Lebihan Pengunderaitan (jika ada) tidak akan diagihkan jika Kami menilai bahawa lebihan yang ada harus dibiarkan di dalam Dana *Tabarru'* bagi mengekalkan keupayaannya untuk

menampung hutang akan datang atau memenuhi jangkaan Anda yang berpatutan yang mana tidak disediakan secara khusus dalam nilai aktuari Kami.

- 12.5 Sekiranya terdapat defisit dari Dana *Tabarru'*, tiada agihan Lebih Pengunderaitan pada tahun kewangan tersebut. Di dalam keadaan tersebut, defisit itu akan dibiayai daripada jumlah yang diperuntukkan untuk tujuan kecemasan dahulu. Jika Dana *Tabarru'* masih lagi mengalami defisit, *Qard* akan diaturkan. *Qard* akan dibawa ke hadapan ke tahun kewangan berikutnya dan sebarang lebihan akan digunakan untuk melunaskan *Qard* (jika ada) kepada Kami sebelum ianya diagihkan.

13. KEUNTUNGAN/KERUGIAN PELABURAN

- 13.1 Sebarang Keuntungan Pelaburan atau Kerugian Pelaburan, daripada Dana *Tabarru'* akan dikira dan diagihkan setiap tahun, selepas setiap tahun kewangan.
- 13.2 Sebarang Keuntungan Pelaburan daripada Dana *Tabarru'*, jika ada, akan dikongsi antara Anda dan Kami dengan kadar lima-puluh peratus (50%) dan lima-puluh peratus (50%) masing-masing. Jumlah yang diperuntukkan kepada Anda akan dikreditkan ke dalam akaun bank Anda.
- 13.3 Sebarang Kerugian Pelaburan di dalam Dana *Tabarru'* akan dibawa ke hadapan dan akan diambil kira sebelum dimasukkan dalam pengiraan Lebih Pengunderaitan (atau defisit) pada tahun kewangan seterusnya.

MANFAAT DAN KEADAAN SIJIL (Fasal 14 - 17)

14. MANFAAT PERUBATAN

- 14.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas menerima dan meluluskan bukti yang wajar seperti bil asal, resit asal dan/atau bukti lain yang memuaskan Kami bahawa Orang yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital bagi khidmat dan/atau rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan akibat Sakit atau Kecederaan atau sedang menerima khidmat dan/atau rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan berkaitan dengan sebarang Manfaat yang Dilindungi seperti dinyatakan dalam Fasal 15.3 di bawah, Kami akan, selepas menggunakan had yang bersesuaian bagi setiap Manfaat yang Dilindungi, Had Tahunan Keseluruhan dan sebarang Penyelarasan Manfaat seperti dinyatakan dalam Fasal 16.11 di bawah, membayar baki Perbelanjaan yang Layak, jika ada, dari Dana *Tabarru'*, seperti dinyatakan di bawah Sijil ini bagi:
- (a) Sakit yang sedia wujud atau telah didiagnosis selepas Tempoh Menunggu; atau
- (b) Kecederaan yang berlaku selepas Tarikh Berkuat Kuasa.
- Bayaran baki Perbelanjaan yang Layak, jika ada, akan dibayar daripada Dana *Tabarru'* dan adalah dijamin.
- 14.2 Bagi mengelakkan keraguan, tiada manfaat akan dibayar bagi:
- 14.2.1 sebarang keadaan yang sedia wujud atau telah didiagnosis:
- 14.2.1.1 semasa Tempoh Menunggu; atau
- 14.2.1.2 selepas tamat Tempoh Menunggu tetapi berkaitan dengan keadaan yang sedia wujud atau telah didiagnosis semasa Tempoh Menunggu; atau
- 14.2.2 sebarang tanda dan gejala yang sedia wujud sebelum atau semasa Tempoh Menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikiran waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas tamat Tempoh Menunggu.
- 14.3 Selain itu, suatu tuntutan seperti dihuraikan dalam Fasal-fasal 14.1 atau 14.2 di atas tidak akan diterima semata-mata kerana pemberitahuan tuntutan tersebut telah diberi kepada Kami selepas tamat Tempoh Menunggu.

15. HURAIAN MANFAAT

15.1 Had Tahunan Keseluruhan

Manfaat yang dibayar bagi Perbelanjaan yang Layak yang ditanggung bagi khidmat dan/atau rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan yang diberikan kepada Orang yang Dilindungi dalam mana-mana Tahun Sijil adalah terhad kepada Had Tahunan Keseluruhan tanpa mengambilkira

jenis/jenis-jenis Hilang Upaya. Jika Had Tahunan Keseluruhan bagi suatu Tahun Sijil telah habis digunakan, semua manfaat perlindungan yang dibayar ke atas Orang yang Dilindungi akan berhenti serta-merta bagi baki Tahun Sijil tersebut.

15.2 Had Seumur Hidup Keseluruhan

Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, tiada had seumur hidup akan dikenakan ke atas manfaat yang boleh dibayar berhubung dengan Perbelanjaan yang Layak bagi khidmat dan/atau rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan yang diberikan kepada Orang yang Dilindungi dari Tarikh Berkuat Kuasa dan semasa hidup Orang yang Dilindungi tanpa mengambil kira jenis/jenis-jenis Hilang Upaya.

15.3 Manfaat yang Dilindungi

Pembayaran balik Perbelanjaan yang Layak yang ditanggung bagi Manfaat yang Dilindungi juga tertakluk kepada syarat berikut:

- (a) bayaran mestilah Bayaran Munasabah dan Biasa yang konsisten dengan bayaran biasa yang dikenakan untuk wad atau Bilik dan Penginapan serta kadar harian adalah lebih kurang dan dalam lingkungan jumlah had harian yang dinyatakan dalam perkara (1) bagi Jadual Manfaat; dan
- (b) bayaran tersebut adalah konsisten dan berada dalam tahap yang sama seperti yang disyorkan dalam Garis Panduan MMA.

Manfaat yang Dilindungi adalah:

15.3.1 Bilik dan Penginapan Hospital

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung bagi bilik penginapan dan hidangan yang Perlu Dari Segi Perubatan. Jumlah yang dibayar bagi manfaat ini hendaklah bersamaan dengan bayaran sebenar yang dikenakan Hospital semasa Kemasukan Hospital Orang yang Dilindungi, tertakluk kepada kadar harian Bilik dan Penginapan Hospital, bilangan hari dan had maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Orang yang Dilindungi hanya berhak ke atas manfaat ini semasa dimasukkan ke Hospital sebagai Pesakit Dalam.

15.3.2 Unit Rawatan Rapi

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa untuk bilik dan penginapan sebenar yang Perlu Dari Segi Perubatan yang ditanggung semasa Orang yang Dilindungi dimasukkan sebagai Pesakit Dalam di Unit Rawatan Rapi Hospital. Jumlah yang dibayar bagi manfaat ini adalah bersamaan dengan bayaran sebenar yang dikenakan Hospital, tertakluk kepada bilangan hari maksimum dan had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Tiada manfaat Bilik dan Penginapan Hospital serta manfaat Unit Rawatan Rapi akan dibayar secara beriringan.

Bagi mengelakkan keraguan, jika manfaat Unit Rawatan Rapi adalah dibayar bagi suatu tempoh kemasukan hospital, tiada manfaat Bilik dan Penginapan Hospital akan dibayar bagi tempoh kemasukan hospital yang sama.

15.3.3 Bekalan dan Khidmat Hospital

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang sebenarnya ditanggung bagi:

- kejururawatan am;
- ubat dan ubatan yang ditetapkan dan digunakan;
- pembalut luka, penganduh dan acuan plaster;
- sinar-x;
- pemeriksaan makmal;
- elektrokardiogram;
- fisioterapi;
- ujian basal metabolisme;
- suntikan dan larutan intravena; atau
- pengendalian darah dan plasma darah tetapi tidak termasuk kos darah dan plasma semasa Orang yang Dilindungi dimasukkan ke Hospital sebagai Pesakit Dalam di

Hospital;
yang Perlu Dari Segi Perubatan, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

15.3.4 Bayaran Pembedahan

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung bagi pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan yang dilakukan oleh Pakar, termasuk Rundingan Pakar Sebelum Kemasukan Hospital dan Rawatan Selepas Kemasukan Hospital, termasuk had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Jika lebih daripada satu pembedahan dijalankan bagi mana-mana Salah Satu Hilang Upaya, jumlah pembayaran bagi semua pembedahan yang dijalankan tidak akan melebihi had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

15.3.5 Dewan Bedah

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung bagi bilik pembedahan berkaitan dengan prosedur pembedahan yang Perlu Dari Segi Perubatan, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

15.3.6 Yuran Pakar Bius

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung untuk pengendalian bius yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh pakar bius, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

15.3.7 Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung untuk lawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh Pakar Perubatan ke atas Pesakit Dalam yang dimasukkan ke Hospital kerana Hilang Upaya, tertakluk kepada maksimum dua (2) lawatan sehari dan had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

15.3.8 Ujian Diagnostik Sebelum Kemasukan Hospital

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum Kemasukan Hospital, bagi ECG, sinar-x dan ujian makmal yang Perlu Dari Segi Perubatan, seperti disyorkan oleh pengamal perubatan yang berkeelayakan dan dilakukan bagi tujuan diagnosis bagi suatu Kecederaan atau Sakit dan berkaitan dengan suatu Hilang Upaya, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Tiada pembayaran akan dibuat jika tiada Kemasukan Hospital ke atas Orang yang Dilindungi bagi keadaan perubatan yang didiagnosis selepas khidmat diagnosis tersebut. Sebagai tambahan, ubat dan rundingan yang dikenakan oleh pengamal perubatan tidak akan dibayar.

15.3.9 Rundingan Pakar Sebelum Kemasukan Hospital

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum Kemasukan Hospital bagi rundingan kali pertama oleh Pakar yang Perlu Dari Segi Perubatan bagi suatu Hilang Upaya dengan syarat rundingan tersebut telah disyorkan secara bertulis oleh pengamal perubatan yang merawat, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Pembayaran tidak akan dibuat untuk rawatan klinikal (termasuk ubat dan rundingan lanjutan setelah Sakit didiagnosis) atau apabila tiada Kemasukan Hospital ke atas Orang yang Dilindungi bagi rawatan keadaan perubatan yang didiagnosis.

15.3.10 Rawatan Selepas Kemasukan Hospital

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sejeurus selepas dibenarkan keluar dari Hospital bagi suatu Hilang Upaya, bagi rawatan susulan yang Perlu Dari Segi Perubatan oleh Pakar Perubatan merawat yang sama, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Ia termasuk Ubat yang Ditetapkan semasa rawatan susulan tetapi tidak melebihi bekalan yang diperlukan bagi maksimum sembilan puluh (90) hari dari tarikh keluar Hospital.

15.3.11 Bayaran Ambulans

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung untuk perkhidmatan ambulans domestik (termasuk atendan) yang Perlu Dari Segi Perubatan ke dan/atau dari Hospital, tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Pembayaran tidak akan dibuat jika Orang yang Dilindungi tidak dimasukkan ke Hospital.

15.3.12 Pembedahan Harian

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung bagi Pembedahan Harian yang Perlu Dari Segi Perubatan. Ia terhad kepada prosedur pembedahan berikut yang biasa dijalankan dengan selamat sebagai Pembedahan Harian:

- Adenoidektomi;
- Penyedutan dan Biopsi Sumsum Tulang;
- Pengeluaran katarak;
- Kolonoskopi;
- Sistouretroskopi;
- Pembedahan Vena Endolaser;
- Kolangiopankreatografi Songsang Endoskopik;
- Pemotongan Bunion;
- Pemotongan Ganglion, Fibroma dan Gumpalan pada Payudara;
- Pemotongan Pterigium;
- Extra corporeal Shock Wave Lithotripsy;
- Herniotomi/Herniorafi;
- Pemasukan atau Membuang Ureterik J-Sten;
- Laparoskopik Endometrium Ablasi;
- Laparoskopik;
- Laringoskopi;
- Rawatan Fotopengentalan Laser bagi Pemisahan Retina;
- Marsupialisasi dan saluran Sista Bartholin;
- Miringotomi atau Miringoplasti;
- Pengurangan Fraktur Tulang;
- Pelepasan Sindrom Terowong Karpus (Penyahmampatan Terowong Karpus);
- Pelepasan kontraktur Dupuytren;
- Membuang Polip Servik;
- Membuang Polip Hidung;
- Membuang Plat dan Skru/Implan;
- Kaedah Gelang Getah untuk Hemoroid.

Kami boleh menambah senarai prosedur pembedahan di atas yang biasanya selamat dijalankan sebagai Pembedahan Harian, dari semasa ke semasa. Jika sebarang prosedur pembedahan tersebut dilakukan semasa Orang yang Dilindungi adalah seorang Pesakit Dalam, hanya manfaat yang setara dengan Manfaat Jagaan Harian akan dibayar, melainkan pengamal perubatan yang dilantik oleh Kami telah memberi kelulusan terlebih dahulu.

15.3.13 Rawatan Kemalangan Kecemasan Pesakit Luar

Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang ditanggung untuk rawatan yang Perlu Dari Segi Perubatan sebagai Pesakit Luar di mana-mana Klinik atau Hospital berdaftar akibat kecederaan badan yang dilindungi kerana Kemalangan, dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari Kemalangan tersebut dan tertakluk kepada jumlah maksimum dan had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Rawatan susulan oleh Doktor yang sama atau Klinik atau Hospital berdaftar yang sama untuk Kecederaan badan yang dilindungi yang sama akan diberi sehingga maksimum tiga puluh (30) hari dari tarikh Kemalangan, tertakluk kepada jumlah dan had maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

15.3.14 Cukai Malaysia

Pembayaran balik cukai perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain, jika berkenaan, yang dikenakan untuk mana-mana Perbelanjaan yang Layak ditanggung ke atas Manfaat yang Dilindungi, bagi suatu tuntutan yang boleh dibayar dan jumlah pembayaran balik tersebut tidak termasuk dalam pengiraan Had Tahunan Keseluruhan seperti dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

16. SYARAT

16.1 Penerima Serah Hak

Seseorang Penerima Serah Hak di bawah Sijil tidak berhak ke atas sebarang manfaat yang boleh dibayar di bawah Sijil ini.

16.2 Orang yang Layak

Orang yang layak untuk dilindungi di bawah Sijil ini adalah:

16.2.1 Orang yang Dilindungi yang mesti berumur sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari tetapi tidak melebihi lapan puluh (80) tahun hari lahir berikutnya; dan

16.2.2 warganegara Malaysia atau penduduk tetap Malaysia atau orang asing yang memegang permit kerja semasa yang sah dan bekerja di Malaysia.

16.3 Salah Nyata Umur

Jika umur Orang yang Dilindungi telah disalah nyata dan mengakibatkan *Tabarru'* yang ditolak tidak mencukupi, sebarang tuntutan yang dibayar di bawah Sijil ini akan dipro-rata berdasarkan nisbah *Tabarru'* sebenar yang ditolak dengan *Tabarru'* yang sepatutnya dikenakan pada tahun itu. Sebarang lebihan *Tabarru'* yang mungkin telah dibayar akibat salah nyata umur, akan dimasukkan semula ke dalam Dana *Tabarru'*.

Jika pada umur sebenar, Orang yang Dilindungi tidak layak untuk mendapat perlindungan di bawah Sijil ini, tiada manfaat akan dibayar dan hanya *Tabarru'* yang telah ditolak akan dimasukkan semula ke dalam Dana *Tabarru'*.

16.4 Perubahan Dalam Risiko

Orang yang Dilindungi hendaklah memberi notis segera secara bertulis kepada Kami tentang sebarang perubahan material dalam pekerjaan, perniagaan, tugas atau usahanya; dan membayar sebarang caruman tambahan yang mungkin dikehendaki oleh Kami. Namun, jika perubahan dalam risiko telah menyebabkan Orang yang Dilindungi tidak boleh dilindungi lagi oleh Kami, Kami berhak membatalkan Sijil ini menurut Fasal 18 di bawah.

16.5 Kawasan Geografi

Semua manfaat yang diberi dalam Sijil ini boleh digunakan dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia.

16.6 Rawatan di Luar Negara

Jika Orang yang Dilindungi memilih atau dirujuk untuk dirawat di luar Malaysia oleh Pakar Perubatan yang merawat, manfaat rawatan tersebut adalah terhad kepada Bayaran Munasabah dan Biasa untuk rawatan tempatan yang setara di Malaysia dan kos pengangkutan ke tempat rawatan akan dikecualikan. Namun, ia tertakluk kepada Fasal 16.11 di bawah, jika berkenaan.

16.7 Menetap di Luar Negara

Tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang rawatan perubatan yang diterima oleh Orang yang Dilindungi di luar Malaysia, jika Orang yang Dilindungi menetap atau melancong di luar Malaysia lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

16.8 Mata Wang bagi Pembayaran

Semua pembayaran di bawah Sijil ini akan dibuat dalam mata wang Malaysia yang sah. Sekiranya Orang yang Dilindungi meminta agar sebarang bayaran dibayar dalam mana-mana mata wang lain, maka jumlah tersebut akan dibayar dalam mata wang seperti diminta yang

boleh dibeli di Malaysia pada kadar pasaran mata wang lazim pada tarikh tuntutan diselesaikan. Bagi kemasukan Hospital di luar Malaysia, bil yang diserahkan dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia hendaklah ditukar kepada Ringgit Malaysia terlebih dahulu berdasarkan kadar sebut tukaran yang berkuat kuasa pada tarikh Orang yang Dilindungi keluar dari Hospital. Kadar sebut tukaran yang digunakan akan ditentukan akan diperolehi daripada institusi kewangan yang ditentukan oleh Kami dan adalah muktamad serta terikat ke atas Orang yang Dilindungi atau orang yang menuntut.

16.9 Kemasukan Hospital Berterusan sehingga Tahun Sijil berikutnya

Apabila tempoh Kemasukan Hospital, rawatan Pesakit Luar, rawatan sebelum atau selepas kemasukan Hospital diteruskan sehingga Tahun Sijil berikutnya, Perbelanjaan yang Layak yang ditanggung akan dibahagikan sewajarnya berdasarkan senarai perbelanjaan sebenar yang ditanggung bagi Tahun Sijil atau berdasarkan hari sebenar Kemasukan Hospital, rawatan Pesakit Luar, rawatan sebelum atau selepas kemasukan Hospital yang berlaku pada Tahun Sijil tersebut, mengikut kes yang berkenaan.

16.10 Sijil, Maklumat dan Keterangan

Semua sijil, maklumat, laporan perubatan dan keterangan seperti diperlukan oleh Kami hendaklah diberi atas perbelanjaan Orang yang Dilindungi dan dalam bentuk yang diperlukan oleh Kami. Dalam semua keadaan, semua jenis notis yang Kami perlukan daripada Anda hendaklah secara bertulis dan dialamatkan kepada Kami. Orang yang Dilindungi hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan yang dianggap perlu atas permintaan dan perbelanjaan oleh Kami.

16.11 Penyelarasan Manfaat

Kami tidak akan memberi sebarang pampasan selain daripada dasar bersekadar jika Orang yang Dilindungi mempunyai sebarang perlindungan kemasukan hospital berasaskan pembayaran balik dengan Kami atau lain-lain, atau sedang menerima pampasan daripada sumber lain bagi Kecederaan atau Sakit atau Penyakit bagi tuntutan yang dibuat di bawah Sijil ini. Pembayaran tuntutan secara agregat terhadap kepada Bayaran Munasabah dan Biasa, terhadap tuntutan untuk hilang upaya.

16.12 Prosedur Tuntutan

Sebelum pembayaran sebarang manfaat yang boleh dibayar di bawah Sijil ini, jumlah sebarang hutang di bawah Sijil ini akan ditolak terlebih dahulu daripada manfaat yang dibayar.

16.12.1 Orang yang Dilindungi hendaklah memberi notis bertulis kepada Kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari berlakunya Hilang Upaya yang melibatkan perbelanjaan boleh dituntut dengan menyatakan butiran lengkap kejadian tersebut, termasuk semua bil dan resit asal, serta laporan lengkap Pakar Perubatan yang menyatakan diagnosis keadaan yang dirawat dan tarikh Hilang Upaya bermula mengikut pandangan Pakar Perubatan dan rumusan kos rawatan oleh Pakar Perubatan termasuk Ubat yang Ditetapkan dan perkhidmatan yang diberi. Kegagalan untuk memberi notis tersebut dalam tempoh masa yang dibenarkan tidak membatalkan sebarang tuntutan jika ia menunjukkan adalah tidak munasabah untuk memberi notis tersebut dan notis itu telah diberi secepat yang mungkin.

16.12.2 Orang yang Dilindungi harus segera mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan yang wajar dan Kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya rawatan atau perkhidmatan menjadi perlu disebabkan kegagalan Orang yang Dilindungi berbuat demikian.

16.12.3 Semua tuntutan mesti diserahkan kepada Kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas selesai kejadian untuk tuntutan yang dibuat. Tuntutan tidak dianggap lengkap dan Perbelanjaan yang Layak tidak akan dibayar melainkan semua bil untuk tuntutan tersebut telah diserahkan dan dipersetujui oleh Kami. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik. Sebarang variasi atau penepian sebelum ini adalah atas Kami.

16.13 Syarat Terdahulu kepada Liabiliti

Pematuhan wajar dan penunaian terma serta syarat Sijil ini oleh Orang yang Dilindungi serta

sejauh mana ia berkaitan dengan apa jua yang akan dilakukan atau dipatuhi oleh Orang yang Dilindungi hendaklah menjadi syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Kami.

16.14 Pindaan

Kami berhak meminda terma dan syarat Sijil ini dengan memberi notis bertulis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu menurut fasal "Notis dan Surat-Menyurat" dalam Hak Istimewa dan Syarat, dan pindaan tersebut akan digunakan dari Ulang Tahun Sijil berikutnya serta-merta berikutan notis bertulis tiga puluh (30) hari telah tamat tempoh. Tiada pindaan bagi Sijil ini adalah sah melainkan dibenarkan oleh Kami dan kebenaran tersebut telah disokong.

16.15 Prosiding Undang-Undang

Tiada tindakan undang-undang atau kesaksamaan akan diambil untuk mendapatkan kembali Sijil ini selepas tamat tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh apabila bukti kerugian bertulis telah dilengkapkan menurut keperluan Sijil ini. Jika Orang yang Dilindungi gagal memberi bukti kerugian yang diperlukan seperti dinyatakan dalam terma dan syarat Sijil ini, Orang yang Dilindungi boleh, dalam tempoh tenggang satu (1) tahun kalendar dari tarikh apabila bukti kerugian bertulis perlu dilengkapkan, menyerahkan bukti kerugian yang relevan kepada Kami dengan alasan kukuh bagi kegagalan untuk mematuhi terma dan syarat Sijil ini. Penerimaan bukti kerugian adalah atas Kami. Selepas tempoh tenggang tersebut tamat, Kami tidak akan menerima bukti kerugian bertulis tersebut walau atas apa jua sebab.

16.16 Subrogasi

Jika Kami bertanggungjawab untuk sebarang pembayaran di bawah Sijil ini, Kami akan mensubrogasi setakat bayaran itu ke atas semua hak serta remedi Orang yang Dilindungi terhadap mana-mana pihak dan akan berhak atas perbelanjaannya sendiri untuk mendakwa atas perintah Orang yang Dilindungi, Orang yang Dilindungi hendaklah memberi atau menyebabkannya diberi semua bantuan yang di bawah kuasanya kepada Kami seperti yang dikehendaki oleh Kami untuk menjamin hak serta remedi dan atas permintaan Kami, hendaklah melaksanakan atau menyebabkan semua dokumen yang perlu dilaksanakan bagi membolehkan Kami mengambil tindakan guaman secara berkesan atas perintah Orang yang Dilindungi.

17. PENGECUALIAN

17.1 Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat yang Dilindungi seperti dinyatakan di bawah Fasal 15.3.1 hingga 15.3.14 dalam Sijil ini disebabkan dan termasuk mana-mana perkara berikut, secara langsung atau tidak langsung:

- 17.1.1 Sakit Sedia Ada seperti ditakrifkan dalam Fasal 1 di atas;
- 17.1.2 Penyakit Tertentu seperti ditakrifkan dalam Fasal 1 di atas;
- 17.1.3 sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam Tempoh Menunggu kecuali untuk Kecederaan;
- 17.1.4 pembedahan plastik/kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, bercermin mata, kanta lekap dan pembetulan penglihatan dekat serta jauh melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomi Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan peralatan atau alatan luaran palsu seperti anggota palsu, alat pendengaran, implan merangsang denyutan jantung dan preskripsinya;
- 17.1.5 keadaan gigi termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali yang diperlukan kerana Kecederaan kepada gigi semula jadi yang sihat yang berlaku dalam mana-mana Tahun Sijil dan dilakukan oleh seorang Doktor Gigi. Sebagai tambahan, perbelanjaan yang timbul daripada peletakan gigi palsu dan khidmat prostetik seperti penyambungan, implan dan penyalutan gigi atau penggantinya tidak akan dibayar;
- 17.1.6 jagaan peribadi, pemulihan rehat atau penjagaan sanatorium, dadah haram, kemabukan (termasuk tetapi tidak terhad kepada alkohol dan dadah), pensterilan, penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV serta sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin di sisi undang-undang;
- 17.1.7 sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk Penyakit Kongenital atau kecacatan termasuk penyakit keturunan;

- 17.1.8 kehamilan dan komplikasinya, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan sebarang prosedur bukan pembedahan terhadap sistem pembiakan perempuan semasa kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan mengenai ketidaksuburan. Ketidaktunggalan erektil dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan;
- 17.1.9 Kemasukan Hospital terutamanya untuk tujuan pemeriksaan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh seorang Pakar Perubatan, dan rawatan khususnya untuk mengurangkan atau menambah berat badan;
- 17.1.10 bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri secara sengaja ketika waras atau tidak waras;
- 17.1.11 peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau pengganas, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan;
- 17.1.12 radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear;
- 17.1.13 perbelanjaan yang ditanggung bagi pendermaan sebarang organ badan oleh Orang yang Dilindungi dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya;
- 17.1.14 penyiasatan dan rawatan gangguan tidur serta dengkur, rawatan hiperhidrosis, terapi penggantian hormon, terapi sel tunjang, imbasan PET dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pembetulan tulang, rawatan herba, urutan, terapi oksigen hiperbarik atau aromaterapi atau rawatan alternatif lain;
- 17.1.15 jagaan atau rawatan yang tidak dikenakan bayaran atau apabila ia adalah dibayar dengan insurans/takaful lain atau pampasan yang melindungi Orang yang Dilindungi serta hilang upaya yang terjadi kerana tugas kerja atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja atau daripada sumber lain berhubung dengan Kecederaan atau Sakit atau Penyakit bagi tuntutan yang dibuat;
- 17.1.16 sakit jiwa, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya);
- 17.1.17 kos/perbelanjaan perkhidmatan yang berciri bukan perubatan misalnya televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, perkhidmatan jalur lebar, bil elektrik bagi pengecasan telefon bimbit, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak;
- 17.1.18 Hidapan atau Kecederaan yang timbul daripada sebarang bentuk perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad kepada payung terjun, terjun udara, selam skuba, terjunan lelabah, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila Orang yang Dilindungi akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut;
- 17.1.19 penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa;
- 17.1.20 perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina;
- 17.1.21 sebarang rawatan Pesakit Luar yang tidak berkaitan dengan rawatan Pesakit Dalam, kecuali seperti disediakan di bawah Sijil ini;
- 17.1.22 bayaran yang bukan Bayaran Munasabah dan Biasa atau sebarang pembedahan

atau rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan atau bayaran yang melebihi Bayaran Munasabah dan Biasa, atau bayaran yang ditanggung bagi Kemasukan Hospital, sebelum dan/atau selepas kemasukan Hospital selepas Tarikh Tamat Tempoh.

- 17.1.23 apa-apa faedah jika kecacatan Orang yang Dilindungi telah disebabkan oleh kecederaan yang timbul:
- 17.1.23.1 dalam masa peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan;
 - 17.1.23.2 semasa di bawah perintah untuk peperangan seperti operasi;
 - 17.1.23.3 semasa di bawah pemulihan ketenteraman awam semasa mogok, rusuhan dan kekecohan awam; or
 - 17.1.23.4 dari pekerjaan atau latihan Orang yang Dilindungi di mana-mana cawangan Tentera atau separa tentera Perkhidmatan Tentera, Laut atau organisasi Polis mana-mana negara.

18. PENAMATAN

- 18.1 Sijil ini akan ditamatkan secara automatik pada kejadian berikut yang paling awal:
- 18.1.1 pada Ulang Tahun Sijil apabila Orang yang Dilindungi berumur lapan puluh (80) tahun hari lahir berikutnya;
 - 18.1.2 ketika kematian Orang yang Dilindungi;
 - 18.1.3 apabila Kami menerima permintaan Anda secara bertulis untuk penamatan Sijil ini;
 - 18.1.4 pada Tarikh Matang; atau
 - 18.1.5 apabila Sijil luput, menjadi tidak sah, diserahkan atau ditamatkan dalam bentuk yang lain.
- 18.2 Kami berhak menamatkan Sijil ini serta-merta apabila terdapat perubahan risiko seperti dinyatakan dalam Fasal 16.4 di atas, yang telah menyebabkan Orang yang Dilindungi tidak boleh dilindungi lagi oleh Kami berdasarkan pendapat tunggal Kami.
- 18.3 Sebarang *Tabarru'* yang ditolak berdasarkan Sijil ini selepas penamatan akan dimasukkan semula ke dalam Dana *Tabarru'*.

PERUNTUKAN LAIN (Fasal 19 - 29)

19. PENGESAHAN UMUR

- 19.1 Anda mesti membuktikan umur sebenar Orang yang Dilindungi kepada Kami sebelum Kami boleh membayar sebarang manfaat di bawah Sijil ini melainkan maklumat ini telah dipastikan dan disahkan sebelum itu oleh Kami sebagai betul.
- 19.2 Kami berhak untuk mengubah lebihan atau keuntungan yang diperuntukkan, atau mengurangkan caruman, di bawah Sijil ini, berdasarkan umur sebenar Orang yang Dilindungi sekiranya ia telah dinyatakan salah dalam cadangan untuk takaful keluarga.

20. KEPENTINGAN BOLEH LINDUNG TAKAFUL

- 20.1 Sekiranya perlindungan Takaful diberikan kepada Orang yang Dilindungi selain diri Anda, Anda hendaklah mempunyai Kepentingan Boleh Lindung Takaful ke atas Orang yang Dilindungi pada masa kontrak Takaful itu dibuat dan pada masa manfaat Takaful dibayar.
- 20.2 Bagi tujuan Fasal ini, Anda hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu Kepentingan Boleh Lindung Takaful ke atas Orang yang Dilindungi sekiranya Orang yang Dilindungi itu adalah:
- 20.2.1 suami atau isteri atau anak Anda;
 - 20.2.2 seseorang di bawah jagaan Anda di bawah umur dewasa pada masa Anda membuat kontrak Takaful ini;
 - 20.2.3 pekerja Anda; atau
 - 20.2.4 seseorang yang bergantung kepada Anda sepenuhnya atau sebahagiannya bagi saraan atau pendidikan pada masa dia membuat kontrak Takaful ini.

21. TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN

- 21.1 Kami tidak akan mempertikaikan kesahihan Sijil ini dalam sepanjang hidup Orang yang Dilindungi selepas dua (2) tahun dari Tarikh Berkuat Kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula Sijil ini, mana yang kemudian, melainkan terdapat penipuan.
- 21.2 Jika Sijil ini menjadi tidak sah atau batal atas apa jua sebab (kecuali sebab yang dinyatakan dalam Fasal 19 di atas), tanggungjawab Kami terhadap kepada pembayaran balik Caj Pendahuluan yang belum diperolehi daripada Anda ditolak sebarang hutang di bawah Sijil ini. Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami.

22. REMEDI UNTUK SALAH NYATA

- 22.1 Fasal ini hanya digunakan jika tempoh Sijil ini adalah dua (2) tahun atau kurang dari Tarikh Berkuat Kuasa.
- 22.2 Sebarang Salah Nyata yang dilakukan oleh Anda di bawah Sijil ini sebelum kontrak dibuat akan diklasifikasikan sebagai:
- 22.2.1 sengaja atau melulu; atau
- 22.2.2 cuai atau ikhlas.
- 22.3 Sekiranya pernyataan dan/atau perisytiharan daripada Orang yang Dilindungi adalah tidak tepat, palsu atau mengelirukan dan pernyataan dan/atau perisytiharan tersebut adalah perkara material dan fakta material yang ditindas atau dibuat secara palsu atau ditinggalkan untuk dibuat, Kami boleh:
- 22.3.1 membatalkan Sijil ini dan menolak semua tuntutan di bawah Salah Nyata yang sengaja atau melulu, yang mana, tanggungjawab Kami terhadap kepada pembayaran balik Caj Pendahuluan yang belum diperolehi ditolak sebarang hutang di bawah Sijil ini. Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami; atau
- 22.3.2 bagi Salah Nyata cuai atau ikhlas, Kami boleh:
- 22.3.2.1 membatalkan Sijil ini dan menolak semua tuntutan, yang mana Kami akan membuat pembayaran balik perkara yang berikut, jika ada:
- 22.3.2.1.1 Caj Pendahuluan yang belum diperolehi;
- 22.3.2.1.2 *Tabarru'* (tidak termasuk Lebihan Pengunderaitan, jika ada); dan
- 22.3.2.1.3 Keuntungan Pelaburan; ditolak sebarang hutang di bawah Sijil ini. Lebihan Pengunderaitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami; atau
- 22.3.2.2 memasuki atau memperbaharui Sijil ini dengan terma dan syarat yang berbeza.

23. NOTIS SERAH HAK

Notis serah hak secara bertulis atau gadaian pada Sijil ini dianggap telah diberitahu kepada Kami, jika ia diserahkan kepada Kami di pejabat-pejabat Kami dan Kami telah memberi pengakuan secara bertulis. Pengakuan Kami atas pemberitahuan serah hak Anda tidak membuktikan pengesahan serah hak tersebut. Walaubagaimanapun, Kami mungkin akan menerima notis serah hak Anda dan mempengaruhi serah hak yang diletakkan di bawah Sijil ini.

24. PERTUKARAN PENAMA

Anda boleh membuat pertukaran penamaan Anda dengan memberitahu Kami secara bertulis. Pertukaran akan berkuat kuasa dari tarikh Kami menerima notis bertulis daripada Anda.

25. PENERIMAAN ARAHAN

Kami hanya akan menerima arahan, permintaan atau notis apabila borang, dokumen, maklumat dan persetujuan seperti yang dikehendaki oleh Kami, telah diterima.

26. KEDIAMAN, PEKERJAAN DAN PERJALANAN

Sijil ini bebas daripada sekatan yang berhubung dengan kediaman, pekerjaan dan perjalanan.

27. NOTIS DAN SURAT-MENYURAT

- 27.1 Sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat kepada Kami dan Anda hendaklah dibuat secara bertulis. Alamat surat-menyurat, alamat e-mel atau nombor telefon bimbit adalah seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan takaful keluarga melainkan terdapat sebarang makluman perubahan kepada Kami.
- 27.2 Sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat yang diberi oleh Kami kepada Anda hendaklah dianggap sebagai telah diterima secara muktamad bagi yang berikut:
- 27.2.1 untuk serahan sendiri, pada hari serahan;
 - 27.2.2 untuk pos biasa atau pos berdaftar pra-bayar, tujuh (7) hari selepas tarikh pos, untuk pos ke suatu alamat di Malaysia, dan empat belas (14) hari, jika pos ke alamat luar dari Malaysia;
 - 27.2.3 untuk penghantaran melalui e-mel atau perkhidmatan pesanan ringkas, pada hari ia dihantar;
 - 27.2.4 untuk penerbitan dalam surat khabar harian tempatan, pada hari ia diterbitkan; atau
 - 27.2.5 untuk dimuat naik dalam laman sesawang rasmi Kami atau laman sesawang lain, hari mana yang paling kemudian bagi penghantaran secara elektronik atau hari pemberitahuan berasingan telah diterima oleh Anda berkenaan penghantaran secara elektronik melalui sebarang cara yang berkesan seperti disediakan dalam Fasal-Fasal 27.2.1, 27.2.2, 27.2.3 atau 27.2.4 masing-masing, seperti ditentukan Kami dari semasa ke semasa.
- 27.3 Dengan syarat seperti yang dinyatakan dalam Fasal-fasal 27.1 dan 27.2 di atas, dalam hal apabila sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat dikembalikan semula selepas Kami telah membuat sekurang-kurangnya dua (2) percubaan berturut-turut untuk menyerahkannya kepada Anda, Kami boleh menahan semua notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat seterusnya, atas risiko Anda sendiri, sehingga Kami telah diberitahu oleh Anda mengenai alamat surat-menyurat atau alamat e-mel atau nombor telefon bimbit baru Anda.

28. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

- 28.1 Sijil ini akan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia akan mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Sijil ini.
- 28.2 Kami berhak meminda terma dan syarat Sijil ini pada bila-bila masa dengan mematuhi sebarang perubahan perundangan, pengubahsuaian atau pindaan berkanun yang digubal dari semasa ke semasa, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Anda menurut Fasal 'Notis dan Surat-Menyurat' dalam Hak Istimewa dan Syarat ini.

29. HAD PENETAPAN DAN PENGECUALIAN

Kami berhak untuk tidak:-

- 29.1 memberikan perlindungan Takaful, termasuk semua manfaat yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan perlindungan Takaful tersebut ataupun dianggap sebagai menyediakan perlindungan Takaful tersebut (dan jika pembayaran telah dibuat oleh anda di bawah Sijil, pembayaran tersebut tidak akan dianggap diterima dan diterima oleh Kami);
- 29.2 diwajibkan untuk membayar sebarang jumlah, termasuk namun tidak terhad kepada pembayaran tuntutan, pengembalian caruman, penyerahan atau pembatalan pembayaran; sekiranya memberikan perlindungan Takaful atau pembayaran jumlah tersebut akan mendedahkan kami kepada sebarang penetapan, larangan, sekatan atau pelanggaran sebarang undang-undang dan/ atau peraturan yang ditadbir mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa yang mengawal selia dan berkelayakan atau sebarang penguatkuasaan undang-undang dalam mana-mana negara.

****MUKA SURAT TAMAT****